



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KP/KPPM/6 Jld. 2 (21)
Tarikh: 02 November 2016

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 7 TAHUN 2016

PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN
(SEMAKAN 2017)

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017) di semua tadika termasuk kelas prasekolah pendidikan khas dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan mulai tahun 2017.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyarankan KSPK yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 disemak semula dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global. KSPK (Semakan 2017) hendaklah dilaksanakan mulai tahun 2017.

TAFSIRAN

3. KSPK (Semakan 2017) merupakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang digunakan oleh semua tadika dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 22 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaan KSPK (Semakan 2017) menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

4. Tadika termasuklah semua institusi pendidikan prasekolah seperti prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tadika di bawah agensi kerajaan, tadika swasta dan tabika.

PELAKSANAAN

5. DSKP KSPK (Semakan 2017) yang disediakan oleh KPM hendaklah digunakan di semua tadika.

6. Peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) di tadika hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan seperti yang berikut:
 - 6.1 Tadika termasuk kelas prasekolah pendidikan khas hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 240 minit sehari (termasuk masa rehat), iaitu sejumlah 1,200 minit seminggu untuk murid-murid yang berumur 5+ tahun;

 - 6.2 Tadika termasuk kelas prasekolah pendidikan khas hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 210 minit sehari (termasuk masa rehat), iaitu sejumlah 1,050 minit seminggu untuk murid-murid yang berumur 4+ tahun;

- 6.3 Tadika yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar hendaklah melaksanakan 50 peratus (600 minit) PdP dalam bahasa Melayu dan 50 peratus (600 minit) PdP dalam bahasa Inggeris seminggu;
- 6.4 Tadika yang menggunakan selain bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar hendaklah melaksanakan 33.33 peratus (400 minit) PdP dalam bahasa Melayu, 33.33 peratus (400 minit) PdP dalam bahasa Inggeris dan 33.33 peratus (400 minit) PdP dalam bahasa pengantar seminggu;
- 6.5 Jika terdapat lima orang murid atau lebih yang beragama Islam dalam sesebuah tadika, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Islam oleh guru yang bertauliah, sekurang-kurangnya 120 minit seminggu; dan
- 6.6 Jika terdapat lima orang murid atau lebih yang bukan beragama Islam dalam sesebuah tadika, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Moral sekurang-kurangnya 120 minit seminggu.
7. Peruntukan masa minimum PdP mengikut minit seminggu adalah seperti di **Lampiran 1**.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2017.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2010 bertarikh 4 Ogos 2010 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 26 Tahun 1998 bertarikh 27 November 1998 dibatalkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

PERUNTUKAN MASA DI TADIKA MENGIKUT MINIT DALAM SEMINGGU

1. Peruntukan masa minimum PdP mengikut minit seminggu adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang Pembelajaran	Peruntukan Masa Seminggu (minit)	
		Bahasa Pengantar Bahasa Melayu	Bahasa Pengantar selain Bahasa Melayu
1.	Bahasa Melayu	60	60
2.	Bahasa Inggeris	60	60
3.	Bahasa Cina / Bahasa Tamil	-	60
4.	Aktiviti Luar	120	120
5.	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	120	120
6.	Matematik Awal	40	40
7.	Pembelajaran Bersepadu	800	740
	Jumlah	1,200	1,200

2. Aktiviti Luar merangkumi Aktiviti Fizikal dan Main Bebas. Aktiviti Luar hendaklah dijalankan di luar kelas dan perlu dilaksanakan setiap hari. Aktiviti Fizikal dijalankan 30 minit, dua kali seminggu dan Main Bebas dijalankan 20 minit, tiga kali seminggu.

2.1 Aktiviti Fizikal ialah aktiviti yang melibatkan pergerakan tubuh badan dan memerlukan tenaga untuk meningkatkan kecergasan fizikal dan kesihatan diri.

2.2 Main Bebas pula merupakan aktiviti yang memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan secara bebas untuk bermain.

3. Pembelajaran Bersepadu terdiri daripada aktiviti rutin (Perbualan Awal, Rehat dan Aktiviti Penutup) dan Aktiviti Pembelajaran. Walau bagaimanapun, Pembelajaran Bersepadu di kelas prasekolah Pendidikan Khas adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Prasekolah Pendidikan Khas	Pembelajaran Bersepadu
1.	Masalah Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti rutin (Perbualan Awal, Rehat dan Aktiviti Penutup) • Aktiviti Pembelajaran • Pengurusan Diri
2.	Ketidakupayaan Penglihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti rutin (Perbualan Awal, Rehat dan Aktiviti Penutup) • Aktiviti Pembelajaran • Kemahiran Braille • Pengurusan Diri • Orientasi dan Mobiliti
3.	Ketidakupayaan Pendengaran	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti rutin (Perbualan Awal, Rehat dan Aktiviti Penutup) • Aktiviti Pembelajaran • Bahasa Isyarat Komunikasi

4. Guru hendaklah mempelbagaikan strategi PdP yang bersesuaian dengan tahap perkembangan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid.

5. Guru hendaklah mewujudkan pusat pembelajaran di tadika. Pusat pembelajaran merupakan ruang yang dilengkapi dengan bahan dan peralatan pembelajaran untuk murid melaksanakan aktiviti sama ada secara berstruktur atau bebas. Pusat pembelajaran memberi peluang kepada murid membina pengetahuan dan kemahiran secara sendiri. Oleh itu, guru perlu mengoptimumkan penggunaan pusat pembelajaran.